

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussein Onn  
merasmikan bangunan tambahan Sekolah Kebangsaan  
Sg. Nibong, Pulau Pinang yang berharga \$78,000 pada  
9.9.1971, jam 4.30 petang

Terlebeh dahulu saya ucapkan ribuan terima kaseh atas kesudian pehak Sekolah Kebangsaan Sungai Nibong ini menjemput saya hadzir dan sa-terus-nya memberi kehormatan kapada saya merasmikan pembukaan sekolah ini pada petang ini.

Bagi diri saya upacara hari ini merupakan satu peristiwa yang istimewa kerana ini-lah sekolah yang pertama di-Negeri Pulau Pinang yang saya dapat penghormatan merasmikan pembukaannya. Saya berharap dan berdoa sekolah ini akan dapat lagi memberi bakti kapada anak2 tuan2 dan puan2 di-sini pada tahun2 yang akan datang.

Kemajuan sa-sabuah sekolah itu ada-lah bergantung kapada empat faktor yang besar -- faktor2 itu ia-lah murid2, ibu bapa, guru2 dan masharakat. Jika di-bandingkan empat faktor ini dengan 4 cylinder motokar, neschaya nampak-lah kapada kita betapa mustahak-nya hubungan dan ko-ordinasi empat2 faktor ini. Jika tidak maka jentera sekolah itu akan menjadi 3 atau 2 cylinder, dan tempang-lah perjalanan-nya. Keadaan sa-rupa ini akan menghalang kemajuan2 yang sa-harus-nya di-chapai oleh sa-sabuah sekolah itu.

Peranan yang dapat di-utarakan oleh ibu bapa dan guru2 ada-lah faktor yang amat penting sekali. Jika ibu2 bapa dan guru2 memahami akan tanggong-jawab masing2 dan memahami pula tanggong-jawab bersama yang mesti di-laksanakan banyak kerumitan2 dan masaelah dapat di-atasi.

Bagi tiap2 sa-orang guru itu harus mengetahui dan memahami kanak2 yang di-ajar-nya tiap2 hari, bukan sahaja sa-takat penceapaian akademik-nya bahkan patut mengenali murid2 tersebut dengan lebeh dekat lagi. Guru2 harus mengetahui hal2 kesulitan hidup murid2 mereka. Dalam usaha2 ini dengan sechara tidak langsung satu hubungan erat akan terjalin di-antara pehak sekolah dan ibu bapa murid2.

Maka pehak ibu bapa pula tentu menyedari atas usaha2 yang di-buat oleh pehak sekolah untok memberi pelajaran dan didekan anak2 di-sekolah2. Kita sedia-maalum pelajaran dan didekan tidak hanya habis di-bilek2 darjah sahaja - proses ini akan berterusan di-mana2 sahaja kanak2 itu berada. Segala pengetahuan yang di-sampaikan oleh guru2 di-sekolah perlu di-buat ulangan oleh mereka itu di-rumah. Dari itu, ibu2 bapa hendak-lah menyediakan satu suasana yang sempurna bagi anak2 kita membuat kerja2 ulangkaji pelajaran-nya di-rumah. Kesempurnaan pendidekan dan kecekapan pelajaran berdasarkan alam sekeliling yang sempurna. Segala galakan perlu di-beri kapada anak2 kita di-lapangan pelajaran mereka.

Pengawasan pelajaran anak2 semasa di-rumah perlu di-adakan dari semasa kesemasa. Kesan2 yang baik akan di-perolehi sekiranya ibu2 bapa sering menanya anak2 dari hal pelajaran2 mereka di-sekolah dengan menengok dan melihat kerja2 di-buku2 latehan mereka. Sekiranya ada apa2 perkara yang kurang jelas atau ada tanda2 menunjukkan kelemahan anak2 dalam pelajaran, ibu bapa boleh-lah menghubungi guru2 besar dan guru2 untok berbinchang chara2 menchari jalan membaiki kelemahan2 tersebut. Dengan chara ini perhubungan di-antara ibu bapa dan guru2 sekolah sentiasa terjalin dan menerusi persafahaman ini banyak masaelah persekolahan anak2 dapat sama2 menyelesaikan-nya. Pihak kami ada-lah sangat menggalakkan ibu2 bapa dapat bersama2 membinchangkan hal2 pelajaran anak2 dan menchari jalan2 kepada kemajuan. Kita tidak berkehendakkan ibu2 bapa hanya berada di-kawasan sekolah hanya pada hari mula2 anak-nya masuk ka-sekolah kemudian melepaskan tanggung-jawab memberi pelajaran kepada guru2 sahaja. Ibu bapa juga mempunyai tanggung-jawab yang sama terhadap hal ini. Jika ibu2 bapa ada apa2 kesulitan mengenai pelajaran anak2, hubongi-lah guru2 besar dan guru2 di-sekolah kerana selalu di-dapati banyak pertanyaan2 yang sampai ka-Kementerian merupakan hal2 kechil yang boleh di-selesaikan di-perengkat sekolah sahaja.

Saya dapat tahu sekolah2 di-negeri ini telah banyak menubuhkan Persatuan Ibu bapa Guru2. Ini ada-lah menggalakkan dan di-harapkan lebeh banyak lagi sekolah2 akan menubuhkan Persatuan Ibubapa/Guru2 ini dari semasa kesemasa.

Sekolah2 Rendah serupa ini ada-lah memainkan satu peranan yang penting di-lapangan pendidekan. Kerana di-sini-lah pembenaan segala asas di-ujudkan. Pembenaan asas perawakan, sikap, minat dan semangat yang kukoh ada-lah terletak di-perengkat permulaan ini. Dari itu tugas kita bersama baik di-sekolah atau di-luar sekolah sangat2 di-kehendaki untok membena satu bangsa yang dinamis dan progresif. Negara berkehendakkan warganegara yang mempunyai sikap2 tersebut untok menjamin kemaamoran, keamanan dan kemajuan bangsa. Kemajuan segala ranchangan Kementerian Pelajaran akan dapat di-laksanakan dengan penoh semangat sekiranya ada hubungan rapat dari empat2 faktor yang saya sebutkan mula2 tadi.

Dalam ucapan-nya tadi Tuan Pengerusi, Jemaah Pengurus telah menimbulkan beberapa perkara, dan mengenai pagar akan Kementerian Pelajaran adakan seberapa segera yang boleh. Mengenai yang lain akan saya rundingkan dengan Ketua Pegawai Pelajaran, Pulau Pinang.

Sekian sahaja yang dapat saya lafadzkan kepada tuan2 dan puan2, dan dengan ini saya dengan sukachita-nya mengistiharkan Sekolah Kebangsaan Sungai Nibong Pulau Pinang ini di-buka dengan resmi-nya.



No Siri ..... 63  
No Penerimaan ..... 63/80